

Amanah Medicare

Ringkasan Sijil Induk

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (“TIPS”) PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

MAKLUMAT RINGKASAN SIJIL INDUK

Ahli yang Dilindungi patut membaca maklumat-maklumat berikut bersama-sama dengan syarat-syarat yang tertera di dalam Ringkasan Sijil Induk ini.

1. BUKTI UMUR

Sekiranya berlaku tuntutan, PruBSN memerlukan bukti umur Ahli yang Dilindungi yang memuaskan jika umur tidak diperakui kepada PruBSN sebelum ini.

2. PENUKARAN MAKLUMAT PERIBADI

Bagi memastikan PruBSN dapat memaklumkan Ahli yang Dilindungi tentang maklumat yang perlu, Ahli yang Dilindungi hendaklah memastikan bahawa PruBSN mempunyai butir-butir perhubungan Ahli yang Dilindungi yang terkini.

3. PENYERAHAN TUNTUTAN

Untuk membuat tuntutan, pemberitahuan bertulis melalui borang tuntutan (didapati daripada laman sesawang Pemegang Sijil Induk) perlu diterima PruBSN di alamat berikut atau melalui e-mel dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari hari Ahli yang Dilindungi menerima sebarang rawatan Pesakit Luar. PruBSN memerlukan bil dan resit asal berkenaan caj dan yuran yang dikenakan.

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)

Aras 13, Menara Prudential,
Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange,
Kuala Lumpur.

E-mel: customer.microtakaful@prubsn.com.my

Ahli-Ahli yang Dilindungi hendaklah bekerjasama sepenuhnya dengan PruBSN dengan memberikan maklumat yang relevan daripada mana-mana Doktor, Klinik atau Hospital atau sumber lain untuk mempercepatkan proses tuntutan.

Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh masa yang ditetapkan tidak akan membatalkan tuntutan sekiranya terdapat penjelasan munasabah ditunjukkan kepada PruBSN yang menunjukkan bahawa notis tidak dapat diserahkan dan notis telah diberi seawal dan seupaya yang mungkin selepas tamat tempoh masa tersebut.

4. KHIDMAT PELANGGAN

Sekiranya Ahli Yang Dilindungi mempunyai sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan perlindungan takaful ini, Ahli yang Dilindungi boleh menghubungi PruBSN di:

Cawangan

Cawangan-cawangan PruBSN beroperasi dari jam 8:45 pagi hingga 4:15 petang dari Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum).

Panggilan

Sila hubungi **Khidmat Pelanggan** PruBSN di **03 2775 7188** pada waktu pejabat (8:30 pagi hingga 5:15 petang dari Isnin hingga Jumaat, kecuali cuti umum).

Surat menyurat dan E-mel

Tulis kepada PruBSN di alamat:

Unit Mikrotakaful

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)
Aras 13, Menara Prudential,
Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange,
Kuala Lumpur.

E-mel: customer.microtakaful@prubsn.com.my

5. PERKHIDMATAN OMBUDSMAN PASARAN KEWANGAN DAN BANK NEGARA MALAYSIA LAMAN INFORMASI NASIHAT DAN KHIDMAT (BNMLINK)

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan dan Bank Negara Malaysia Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) telah ditubuhkan untuk memberi perlindungan kepada pelanggan dan membantu untuk menyelesaikan sebarang perselisihan mengenai tuntutan.

Sekiranya Ahli yang Dilindungi mempunyai sebarang aduan, atau tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh PruBSN, Ahli yang Dilindungi boleh merujuk kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan dan/ atau Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK).

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan

(dahulu dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)

Tingkat 14, Blok Utama,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.
Tel: +603-2272 2811
Laman web: www.fmos.org.my

Untuk Pertanyaan & Aduan

BNMLINK

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465 atau +603-2174-1717 (untuk panggilan luar negara)
Faks: +603-2174-1515
Laman web: bnm.gov.my/BNMLINK

KONTRAK SHARIAH ('AQAD)

1. Hubungan Kontrak di kalangan Ahli-ahli yang Dilindungi dan Pemegang Sijil Induk

Kedua-dua Pemegang Sijil Induk dan Ahli-ahli yang Dilindungi bersetuju menyertai pelan ini berdasarkan prinsip *Ta'awun* (bantuan bersama). Sumbangan *Tabarru'at* (amal kebajikan) untuk setiap Ahli-ahli yang Dilindungi yang dibayar oleh Pemegang Sijil Induk akan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru'* untuk menyediakan manfaat bersama yang akan dibayar kepada Ahli-ahli yang Dilindungi yang layak apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui berdasarkan manfaat takaful yang dipersetujui di bawah perlindungan takaful ini.

2. Hubungan Kontrak di antara Pemegang Sijil Induk dan Ahli-ahli yang Diliindungi bersama PruBSN

2.1 *Wakalah*

2.1.1 Pemegang Sijil Induk dan Ahli yang Dilindungi bersetuju untuk melantik dan memberi kuasa kepada PruBSN untuk menguruskan pelan takaful ini dan melaburkan Dana *Tabarru'*. PruBSN diberi kuasa untuk melaksanakan operasi takaful berdasarkan prinsip Syariah, undang-undang dan pengawalseliaan dan juga terma-terma yang dinyatakan.

2.1.2 Sebagai pulangan kepada tugas yang dijalankan dan berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, Pemegang Sijil Induk bersetuju untuk membayar Caj *Wakalah* Pendahuluan kepada PruBSN seperti yang dinyatakan di bawah Sijil Induk.

2.1.3 Apabila keadaan yang dianggap sebagai salah urus, kecuaiian atau pelanggaran istilah tertentu, PruBSN akan menanggung dan hendaklah membayar kerugian atau kerosakan termasuk sebarang kos sebenar yang dialami oleh Pemegang Sijil Induk atau Ahli yang Dilindungi.

2.1.4 Kontrak *Wakalah* ini hendaklah dibubarkan apabila penamatan akibat sebarang keadaan yang dinyatakan di bawah Ringkasan Sijil Induk Klausula 4. PruBSN layak untuk menerima Caj *Wakalah* Pendahuluan bagi perkhidmatan yang diberikan.

PERUNTUKAN ASAS

1. DEFINISI

Dalam Ringkasan Sijil Induk ini, perkataan-perkataan dan ungkapan yang digunakan adalah seperti yang ditakrifkan di bawah:

- 1.1. **Kemalangan** – bermaksud tindakan yang disebabkan oleh sumber-sumber luaran dan boleh dilihat, diakibatkan secara langsung dan tidak bergantung kepada sebab-sebab lain yang berlaku secara mengejut, tidak sengaja, di luar jangkaan, luarbiasa dan peristiwa tertentu yang berlaku pada tarikh, masa dan tempat yang dikenalpasti.
- 1.2. **Umur** – bermaksud umur pada hari lahir akan datang.
- 1.3. **Klinik** – bermaksud bermaksud mana-mana pertubuhan yang dilesenkan dan didaftarkan sebagai Klinik yang bertujuan untuk digunakan bagi penjagaan perubatan dan rawatan orang sakit dan cedera dan yang:
 - (a) berada di bawah pengawasan seorang pengamal perubatan berdaftar pada setiap masa; dan
 - (b) mempunyai kemudahan untuk diagnosis dan mempunyai perkhidmatan untuk pembekalan ubat-ubatan di premisnya.
- 1.4. **Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi** – bermaksud tarikh berkuat kuasa untuk perlindungan takaful bagi setiap Ahli yang Dilindungi.
- 1.5. **Pembedahan Harian** – bermaksud pembedahan pra-dirancang yang memerlukan penggunaan kemudahan pemulihan di Hospital/ Klinik Pakar (tetapi bukan untuk bermalam).
- 1.6. **Diagnosis** – bermaksud sesuatu diagnosis sahih yang dibuat oleh Doktor berdasarkan kepada bukti khusus yang telah PruBSN nyatakan untuk penyakit khusus berdasarkan bukti radiologi, klinikal, histologi atau makmal yang PruBSN terima.

Sekiranya terdapat sebarang keraguan mengenai Diagnosis tersebut, PruBSN juga boleh meminta pemeriksaan dijalankan terhadap Ahli yang Dilindungi atau ke atas bukti yang digunakan dalam mendapatkan Diagnosis tersebut, oleh seorang pakar yang adil dan diperakui dalam bidang perubatan berkenaan dan pandangan pakar itu terhadap diagnosis tersebut akan dikira terikat di antara kedua-dua Pemegang Sijil Induk atau Ahli yang Dilindungi dengan PruBSN.

- 1.7. **Hilang Upaya** – sesuatu Kesakitan, Wabak, Penyakit atau semua kecederaan yang terjadi daripada satu atau beberapa sebab yang berterusan.
- 1.8. **Doktor atau Pakar Perubatan** – bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang bertauliah dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat/berdasarkan bukti. Semasa memberikan rawatan, Doktor mesti mengamalkannya mengikut skop perlesenan dan latihan mereka di dalam kawasan geografi profesion tersebut diamalkan. Doktor ini tidak termasuk Pemegang Sijil Induk, Ahli yang Dilindungi, atau pasangan Ahli yang Dilindungi atau saudara-mara terdekat.

- 1.9. **Hospital** – bermaksud satu pertubuhan yang ditubuhkan dan didaftarkan sebagai Hospital bagi penjagaan dan rawatan orang yang sakit dan cedera sebagai pesakit atas katil-berbayar, dan yang mana:
- (a) mempunyai kemudahan untuk Diagnosis dan pembedahan major;
 - (b) menyediakan perkhidmatan kejururawatan 24-jam sehari oleh jururawat berdaftar dan berkelulusan;
 - (c) di bawah penyeliaan Doktor atau Pakar Perubatan;
 - (d) bukan klinik, tempat untuk penagih alkohol dan dadah, pusat penjagaan, rumah pemulihan atau rehat atau rumah orang-orang tua, atau pertubuhan yang seumpamanya; dan
 - (e) tidak termasuk hospital psikiatrik, terutamanya untuk rawatan penyakit mental dan/atau gangguan psikiatri.
- 1.10. **Dimasukkan/Kemasukan ke Hospital** – bermaksud Kemasukan ke Hospital secara berterusan sekurang-kurangnya selama enam (6) jam berada di dalam sesebuah Hospital dan sesuatu caj untuk bilik dan penginapan telah dibuat oleh pihak Hospital bagi tujuan tersebut.
- 1.11. **Kecederaan** – bermaksud kecederaan badan yang dialami oleh Ahli Dilindungi yang disebabkan semata-mata oleh Kemalangan.
- 1.12. **Perlu Dari Segi Perubatan** – suatu perkhidmatan perubatan, yang mana:
- (a) selaras dengan Diagnosis dan rawatan perubatan biasa bagi sesuatu Hilang Upaya yang dilindungi;
 - (b) mengikut piawai amalan perubatan yang baik, selaras dengan piawai semasa bagi rawatan perubatan professional dan juga dengan manfaat-manfaat kesihatan yang terbukti;
 - (c) bukan untuk kemudahan Ahli yang Dilindungi atau Pakar Perubatan;
 - (d) bukan berbentuk eksperimen, siasatan, penyelidikan atau kajian, pencegahan atau penyaringan;
 - (e) dikenakan bayaran yang berpatutan, munasabah dan biasa diamalkan bagi Hilang Upaya yang dilindungi itu, dan
 - (f) menyediakan rawatan secara terus yang berkaitan dengan Hilang Upaya yang dilindung.
- 1.13. **Pesakit Luar** – bermaksud Ahli yang Dilindungi yang menerima Diagnosis atau rawatan perubatan tetapi tidak Dimasukkan ke Hospital.
- 1.14. **Had Tahunan Keseluruhan** – bermaksud jumlah maksimum yang boleh dibayar untuk manfaat di bawah Sijil ini, berkenaan dengan perbelanjaan yang ditanggung untuk rawatan semua jenis Hilang Upaya yang diberikan kepada Ahli Dilindungi sepanjang tempoh perlindungan.
- 1.15. **Ubat yang Dipreskripsi** – bermaksud ubat-ubatan yang dikeluarkan oleh Pakar Perubatan, ahli farmasi yang berdaftar, Klinik atau Hospital di mana ianya telah ditentukan oleh Pakar Perubatan atau pakar bagi tujuan rawatan Hilang Upaya yang dilindungi.
- 1.16. **Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan** – bermaksud caj-caj bagi penjagaan perubatan yang Perlu Dari Segi Perubatan akan dikira sebagai berpatutan dan biasa sehingga ianya tidak melebihi kadar caj umum yang dibuat oleh pengendali perubatan atau khidmat penjagaan kesihatan berdaftar yang sah yang lain dalam kedudukan yang sama dalam Malaysia.

Caj tersebut apabila dibuat, dengan mengambilkira rawatan, perkhidmatan atau bekalan kepada individu dengan jantina dan Umur yang sama untuk sakit, penyakit dan kecederaan yang sama dan sejajar dengan piawaian perubatan yang diterima dan amalan yang mana tidak boleh ditinggalkan tanpa menjejaskan dengan buruk keadaan perubatan Ahli yang Dilindungi.

Untuk kejelasan, Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan tidak termasuk cukai yang dikenakan ke atas caj untuk penjagaan perubatan.

- 1.17. **Kesakitan, Wabak, Penyakit** – bermaksud keadaan kesihatan fizikal yang buruk yang memerlukan rawatan perubatan.
- 1.18. **Potongan *Tabarru`*** – bermaksud sumbangan sukarela berkaitan dengan sebahagian sumbangan ke Dana *Tabarru`* semasa tempoh perlindungan berdasarkan prinsip *Ta`awun*. PruBSN mungkin menyemak semula Potongan *Tabarru`* dengan memberikan pemberitahuan awal selama tiga puluh (30) hari kepada Pemegang Sijil Induk.
- 1.19. **Dana *Tabarru`*** – bermaksud dana yang dimiliki bersama oleh Pemegang Sijil Induk dan Ahli-ahli yang Dilindungi di mana Potongan *Tabarru`* diletakkan dan dikumpulkan bersama-sama. Dana ini digunakan untuk membayar manfaat yang dipersetujui di bawah pelan ini berdasarkan bantuan dan pertolongan bersama.

RINGKASAN SIJIL INDUK

1. SIJIL

- 1.1. Ringkasan Sijil Induk ini berfungsi sebagai petikan daripada peruntukan utama Sijil Induk. Ia tidak menggantikan Sijil Induk dan tertakluk kepada sebarang perubahan di dalam Sijil Induk.
- 1.2. Segala tafsiran manfaat-manfaat dan terma-terma yang disebut di dalam dokumen ini harus berdasarkan kepada peruntukan yang berkaitan yang dinyatakan di dalam Sijil Induk.
- 1.3. Orang yang mempunyai perlindungan takaful di bawah Sijil ini dirujuk sebagai Ahli yang Dilindungi.

2. MANFAAT-MANFAAT

- 2.1 PruBSN akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan untuk perkhidmatan konsultasi dan rawatan yang diberikan oleh Doktor yang berdaftar secara sah di mana-mana Klinik atau Hospital yang berdaftar secara sah akibat Penyakit biasa dan/atau kecederaan badan, di mana Kemasukan ke Hospital tidak diperlukan, sehingga Had Tahunan Keseluruhan sebanyak tiga ratus (RM300) setahun, dari Dana *Tabarru'*. Tiada manfaat akan dibayar jika Ahli yang Dilindungi menerima rawatan yang memerlukan Kemasukan ke Hospital. Manfaat ini hanya terpakai di dalam Malaysia sahaja.

Sekiranya Had Tahunan Keseluruhan untuk Ahli yang Dilindungi telah dibayar sepenuhnya, perlindungan untuk Ahli yang Dilindungi akan tamat dengan serta-merta.

3. TUNTUTAN-TUNTUTAN

3.1 Prosedur Tuntutan

Notis bertulis bagi sebarang tuntutan melalui borang tuntutan (didapati daripada laman sesawang Pemegang Sijil Induk) hendaklah diterima oleh PruBSN dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari hari Ahli yang Dilindungi menerima sebarang rawatan Pesakit Luar. Ahli yang Dilindungi hendaklah mengemukakan kepada PruBSN semua dokumen termasuk bil dan resit asal perkhidmatan konsultasi atau rawatan, dan laporan penuh Doktor. Laporan Doktor ini hendaklah menyatakan:

- (a) Diagnosis Hilang Upaya yang dirawat;
- (b) tarikh Hilang Upaya bermula menurut pendapat Doktor; dan
- (c) ringkasan Doktor mengenai kos rawatan, termasuk ubat-ubatan dan perkhidmatan yang disediakan.

Semua sijil, maklumat, laporan perubatan, bukti dan maklumat yang diperlukan oleh PruBSN mesti diberikan seperti yang diminta oleh PruBSN, atas perbelanjaan Ahli yang Dilindungi sendiri. Jika Ahli yang Dilindungi gagal berbuat demikian, ia tidak akan menjejaskan tuntutan selagi notis diberikan secepat mungkin yang munasabah.

Setelah pembayaran penuh manfaat dibuat, tanggungjawab PruBSN akan berakhir berkenaan dengan perlindungan takaful untuk Ahli yang Dilindungi.

3.2 Tuntutan Tidak Lengkap

Semua tuntutan dengan dokumen yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada PruBSN dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas rawatan yang mana tuntutan dibuat. Tuntutan tidak dianggap lengkap, dan manfaat tidak akan dibayar jika semua dokumen untuk tuntutan tersebut belum dikemukakan dan dipersetujui oleh PruBSN. Hanya kos sebenar yang ditanggung akan dipertimbangkan untuk pembayaran balik.

3.3 Tuntutan Terhadap Pihak Ketiga

Tiada perkara dalam Ringkasan Sijil Induk ini yang akan menjadikan PruBSN bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atau ditambah sebagai pihak dalam apa jua cara kepada sebarang tuntutan ganti rugi yang mungkin didakwa oleh Pemegang Sijil Induk dan/atau Ahli yang Dilindungi terhadap mana-mana pihak ketiga, seperti penyedia perkhidmatan perubatan atau pergigian atau rawatan. PruBSN tidak akan bertanggungjawab walaupun Pemegang Sijil Induk dan/atau Ahli yang Dilindungi mempunyai hak untuk menyaman pihak ketiga tersebut atas kecuaiian, salah laku atau sebab-sebab lain yang timbul daripada tindakan atau peninggalan dalam rawatan atau pemeriksaan mana-mana Ahli yang Dilindungi di bawah terma Ringkasan Sijil Induk ini.

3.4 Penyelarasan Manfaat

PruBSN boleh mengurangkan jumlah manfaat yang dibayar balik kepada Ahli yang Dilindungi jika Ahli yang Dilindungi telah menerima pembayaran balik untuk perbelanjaan perubatan yang sama dari sumber lain. PruBSN tidak akan membayar balik sebarang tuntutan yang telah dibayar oleh insurans atau pengendali takaful lain. Jumlah keseluruhan manfaat yang dibayar balik tidak akan melebihi kos perbelanjaan sebenar yang ditanggung untuk rawatan Pesakit Luar yang sama.

4. PENAMATAN

4.1. Perlindungan takaful di bawah Sijil ini bagi Ahli yang Dilindungi akan tamat serta-merta:

- 4.1.1. apabila Ahli yang Dilindungi meninggal dunia; atau
 - 4.1.2. selepas pembayaran penuh Had Tahunan Keseluruhan bagi Ahli Dilindungi tersebut; atau
 - 4.1.3. apabila menerima arahan bertulis daripada Pemegang Sijil Induk untuk menamatkan perlindungan takaful Ahli yang Dilindungi; atau
 - 4.1.4. pada tarikh tamat perlindungan takaful Ahli yang Dilindungi iaitu dua belas (12) bulan dari Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi;
- mana-mana berlaku terlebih dahulu.

5. PENGECUALIAN-PENGECUALIAN

5.1 Tiada manfaat yang akan dibayar sekiranya tuntutan daripada Ahli yang Dilindungi adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya oleh mana-mana tuntutan berikut:

- (a) terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat-ubatan atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menambah berat badan; atau
- (b) pembedahan plastik/kosmetik elektif (kecuali pembedahan rekonstruktif untuk mengembalikan fungsi), hiperhidrosis, berkhatan, pemeriksaan mata untuk rabun dekat, rabun jauh atau astigmatisme, alat bantuan visual dan pembiasan atau pembedahan pembetulan rabun dekat (Keratotomi radial) dan penggunaan atau perolehan perkakas atau alat prostetik luaran seperti tidak terhad kepada anggota tiruan, alat bantuan pendengaran, radas koklea, perentak luaran atau sementara, dan preskripsi yang berkaitan; atau
- (c) penyalahgunaan dadah, gangguan akibat ketagihan daripada sebarang jenis penggunaan atau penyalahgunaan bahan atau alkohol, di bawah pengaruh alkohol, penyakit kelamin dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV, serta sebarang penyakit boleh berjangkit yang memerlukan kuarantin di sisi undang-undang; atau
- (d) bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan dalam keadaan waras atau tidak waras; atau
- (e) sebarang jenis perlumbaan (kecuali lumba lari atau lumba jalan kaki), sukan berbahaya seperti, tetapi tidak terhad kepada, terjun di udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan lasak musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang menyalahi undang-undang; atau
- (f) perang atau sebarang tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, tindakan musuh asing, tugas aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata atau sebarang operasi seperti perang; atau
- (g) sebarang percubaan atau perbuatan jenayah sebenar, perbuatan menyalahi undang-undang, atau penglibatan dalam aktiviti keganasan; atau
- (h) penyertaan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan, revolusi; atau
- (i) radiasi ion dan pencemaran radioaktif daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear akibat proses ledakan nuklear atau akibat daripada apa-apa bahan senjata nuklear; atau
- (j) perbelanjaan yang ditanggung untuk pendermaan mana-mana bahagian badan atau organ oleh Ahli yang Dilindungi dan kos perolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan komplikasinya; atau
- (k) penjagaan atau rawatan yang tidak memerlukan bayaran atau kos tersebut akan dibayar oleh mana-mana takaful, insurans atau indemniti lain yang melindungi Orang yang Dilindungi dan Kehilangan Upaya yang timbul daripada tanggungjawab pekerjaan atau profesion yang dilindungi di bawah Kontrak Takaful Pampasan Pekerja; atau
- (l) penerbangan persendirian selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersial berjadual yang dilesenkan untuk membawa penumpang melalui laluan yang telah ditetapkan; atau

- (m) perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina atau transformasi jantina; atau
- (n) kegagalan Ahli yang Dilindungi untuk mendapatkan atau mengikuti nasihat perubatan yang munasabah; atau
- (o) lebih daripada satu (1) perkhidmatan perundingan atau rawatan pesakit luar setiap hari di mana-mana Klinik atau Hospital yang berdaftar secara sah; atau
- (p) kos Ubat yang Dipreskripsi tanpa konsultasi; atau
- (q) terapi fizikal Pesakit Luar atau fisioterapi; atau
- (r) sebarang Pembedahan Harian kecuali pembedahan yang diberikan adalah Perlu Dari Segi Perubatan, disyorkan dan diluluskan oleh Doktor dengan rawatan Diagnosis untuk Hilang Upaya di mana Pembedahan Harian diperlukan.

6 LARANGAN AKIBAT SEKATAN ATAU KESALAHAN YANG BERKAITAN

- 6.1 Sekiranya PruBSN mendapati atau mengesyaki bahawa Ahli yang Dilindungi merupakan orang yang dilarang atau pihak berkaitan dengan orang yang dilarang yang tertakluk kepada sekatan oleh mana-mana undang-undang dan/atau peraturan, PruBSN akan membatalkan atau menamatkan Sijil serta-merta tanpa notis terlebih dahulu. PruBSN tidak akan menjalankan sebarang urusan dengan mana-mana pihak berkaitan dengan Sijil tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada, membuat atau menerima sebarang pembayaran di bawah Sijil ini.

*****RINGKASAN SIJIL INDUK TAMAT *****